



UNIVERSITY OF CAMBRIDGE INTERNATIONAL EXAMINATIONS
International General Certificate of Secondary Education

CANDIDATE
NAME

CENTRE
NUMBER

--	--	--	--	--

CANDIDATE
NUMBER

--	--	--	--



MALAY

Paper 2 Reading and Directed Writing

0546/02

May/June 2010

1 hour 30 minutes

Candidates answer on the Question Paper.

No Additional Materials are required.

READ THESE INSTRUCTIONS FIRST

Write your Centre number, candidate number and name on all the work you hand in.
Write in dark blue or black pen.
Do not use staples, paper clips, highlighters, glue or correction fluid.
DO NOT WRITE IN ANY BARCODES.

Answer **all** questions in **Section 1, Section 2 and Section 3.**

At the end of the examination, fasten all your work securely together.
The number of marks is given in brackets [] at the end of each question or part question.

For Examiner's Use	
Section 1	
Section 2	
Section 3	
Total	

This document consists of **14** printed pages and **2** blank pages.




Latihan 1 Soalan 1–5


Pilih jawapan yang betul untuk soalan-soalan di bawah ini:

1 Bobby memelihara banyak jenis ikan. Dia menyimpan ikannya di dalam


A	
---	--




B	
---	--



C	
---	--



D	
---	--



[1]

2 Leila sedang bercuti. Dia ingin membawa pulang untuk kawannya.

A	
---	--

pokok kelapa

B	
---	--

kapal terbang

C	
---	--

pantai

D	
---	--

hadiah

[1]

3 Gambar di bawah ini melarang kita ...



A	
---	--

makan.

B	
---	--

menangkap gambar.

C	
---	--

membuat bising.

D	
---	--

minum.

[1]

4 Sally belajar sepanjang hari. Dia letih dan perlu ...

A menulis.

B masak.

C bekerja.

D berehat.

[1]

5 Siti dan kawannya mahu membeli katil dan meja untuk rumah mereka. Mereka pergi ke kedai ...

A perabot.

B kopi.

C ubat.

D pakaian.

[1]

[Jumlah: 5 markah]

Latihan 2 Soalan 6–10

Salma dan keluarganya sedang membuat rancangan untuk majlis hari jadi Salma. Setiap orang mempunyai cadangan untuk majlis itu. Tulis nama di samping gambar mengenai cadangan mereka:

Ibu Salma	Ibu akan membuat kek hari jadi dan menghantar kad jemputan.
Bapa Salma	Bapa fikir lebih baik kita makan di restoran kegemaran Salma. Salma suka makan ayam panggang.
Bahari	Salma suka berkelah. Kita boleh berkelah dan merayakan hari jadinya di tepi pantai.
Sani	Lebih baik kita adakan majlis di kolam renang. Salma dan kawan-kawannya suka berenang.
Nenek Ani	Nenek akan meniup belon dan buat hiasan.
Salma	Saya akan tulis senarai nama kawan-kawan yang saya akan jemput.

5

6



.....

[1]


7



.....

[1]


8



.....

[1]


9



.....

[1]

10



.....

[1]

[Jumlah: 5 markah]

Latihan 3 Soalan 11–15

Baca karangan di bawah ini dan jawab soalan-soalan berikutnya:

Semasa James, seorang pelancong dari England, berada di Malaysia, dia suka makan buah-buahan tempatan Malaysia. Dia berpendapat buah-buahan negara Malaysia sungguh berbeza dengan buah-buahan di negara barat. Dia tahu bahawa buah-buahan seperti rambutan, durian dan manggis hanya boleh ditanam di negara-negara beriklim panas sahaja.

Walaupun, di negaranya, buah-buahan ini juga boleh didapati di pasaraya tetapi harganya sangat mahal. Ini ialah kerana buah-buahan ini dieksport ke negara-negara barat.

Buah-buahan tempatan Malaysia juga terdapat di negara-negara seperti negara Thai dan Indonesia sebab negara-negara ini juga mempunyai iklim yang sama. Para pelancong memang suka makan buah-buahan segar.

James ingin membeli durian dan rambutan untuk dibawa pulang ke England untuk ibunya. Walaupun, dia diberitahu oleh pekedai bahawa syarikat penerbangan tidak akan membenarkan penumpang kapal terbang membawa durian sebab baunya yang kuat.

James membuat keputusan untuk membawa pulang rambutan sahaja.

Tandakan **betul** atau **salah**.

	BETUL	SALAH	
11 Buah-buahan negara Malaysia sama dengan buah-buahan di negara barat.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
12 Buah-buahan ini boleh didapati di negara cuaca panas sahaja.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
13 James boleh membeli buah-buahan ini di negaranya dengan harga murah sekali.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
14 Pekedai memberitahu James bahawa durian tidak ada bau.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
15 Pelancong tidak akan membawa pulang durian untuk ibunya.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]

[Jumlah: 5 markah]

Latihan 4 Soalan 16


16 Kawan anda tiba di lapangan terbang. Bagaimanakah dia pergi ke rumah anda? Beri arahan jalan ke rumah anda berpandukan nota ringkas dan gambar di bawah ini:

(a)



Kenderaan apa dia harus naik?

(b)



Di mana dia harus turun dari kenderaan?

(c)



Ke rumah manakah dia harus pergi?

Latihan 1 Soalan 17–23

Baca laporan mengenai pengalaman bekerja Adam, seorang pelajar sekolah, semasa bercuti:

Semasa cuti sekolah tahun lepas, saya membuat keputusan untuk menggunakan masa percutian saya untuk bekerja. Bekerja semasa cuti sekolah bukan sahaja bermakna saya mendapat wang untuk berbelanja, tetapi juga pengalaman bekerja yang sangatlah berguna. Bapa saudara saya memiliki sebuah hotel di tempat percutian di tepi laut. Saya bekerja di sana selama sebulan dan dalam masa sebulan itu, saya mendapat pengalaman membuat berbagai-bagai pekerjaan, seperti melayan tetamu yang baru sampai untuk bercuti, menolong mengambil pesanan di bilik makan dan juga menyediakan bilik tetamu.

Semasa bekerja di hotel tersebut, saya bertemu dengan ramai pelancong, terutama sekali dari luar negara. Saya dapat belajar banyak daripada mereka mengenai negara dan budaya mereka. Kami bertukar pendapat dan berbincang mengenai banyak perkara seperti pelajaran, makanan, cuaca dan banyak lagi.

Bapa saudara saya menasihatkan saya tetamu mesti dilayan dengan baik dan sopan. Sebagai pekerja di hotel itu, kita mesti mendengar apa saja yang tetamu kata, sama ada pujian ataupun aduan. Nasib baik semasa bekerja di situ, tidak ada tetamu yang mengadu tentang saya.

Satu pengalaman yang tidak dapat saya lupakan semasa bekerja di situ ialah persahabatan saya dengan keluarga dari Itali. Mereka tinggal di hotel itu selama seminggu tetapi saya rasa seperti saya sudah lama kenal mereka.

Ketua keluarga ini, Encik Giuseppe, ialah seorang penulis, dan dia datang ke Malaysia untuk mencari bahan untuk bukunya. Dia menulis buku untuk remaja dan dia selalu bercakap dengan saya. Dia berkata dia akan memasukkan cerita tentang saya ke dalam bukunya. Saya tidak sabar menunggu bukunya diterbitkan nanti.

17 Bilakah Adam bekerja dan mengapa?

(i) [1]

(ii) [1]

18 Berapa lamakah Adam bekerja di hotel bapa saudaranya?

..... [1]

19 Apakah antara pekerjaan yang dibuat oleh Adam?

(i) [1]

(ii) [1]

20 Apakah nasihat bapa saudara Adam?

..... [1]

21 Mengapakah Adam bernasib baik?

..... [1]

22 Apakah pengalaman yang paling berkesan bagi Adam?

..... [1]

23 (i) Apakah pekerjaan Encik Giuseppe?

..... [1]

(ii) Dan apakah janjinya kepada Adam?

..... [1]

[Jumlah: 10 markah]

Latihan 2 Soalan 24

24 Tulis mengenai aktiviti masa lapang anda.

- Apakah yang anda suka buat pada masa lapang?
- Bagaimanakah minat ini bermula?
- Dengan siapakah anda suka buat aktiviti ini?

Panjang karangan tidak melebihi 100 perkataan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[Jumlah: 15 markah]

PLEASE TURN OVER FOR SECTION 3.

Bahagian 3

Latihan 1 Soalan 25–29

Baca perbualan Sarah, seorang pelajar Sekolah Menengah Bandar Baru, dengan Maria, seorang pemberita majalah sekolahnya. Jawab soalan-soalan berikutnya dengan memilih jawapan yang betul.

Maria Ini ialah kali kedua Sarah menjadi pelajar terbaik sekolah ini. Sarah nampak seperti pelajar biasa. Bagaimanakah Sarah sediakan diri untuk peperiksaan?

Sarah Ibu-bapa saya pernah tinggal di banyak buah negara dan mereka mengajar saya supaya pandai menguruskan masa saya. Mereka mahu saya rajin belajar dan juga berehat. Jadi, saya ada jadual yang saya ikut setiap masa.

Maria Bagaimanakah anda memastikan yang anda ada masa untuk semua mata pelajaran?

Sarah Selepas setiap pelajaran di sekolah, saya akan mengulangkaji pelajaran itu di rumah. Saya tidak suka mengulangkaji apabila peperiksaan sudah dekat. Saya juga pastikan saya akan semak dahulu pelajaran yang akan diajar oleh guru. Saya akan melayari internet untuk mendapat maklumat tambahan dan tidak bergantung kepada buku sahaja.

Maria Apakah yang Sarah buat pada hujung minggu?

Sarah Saya suka bersiar-siar dengan keluarga saya. Kami mempunyai minat yang serupa, seperti mengumpul barang-barang antik. Tetapi yang saya amat suka sekali ialah membaca buku-buku sejarah. Saya juga suka keluar dengan kawan-kawan saya.

Maria Apakah nasihat Sarah kepada para pelajar yang akan menduduki peperiksaan mereka tidak lama lagi?

Sarah Saya ingin menasihatkan semua orang supaya jangan menghabiskan masa dengan kegiatan yang tidak berfaedah. Jangan biarkan ulangkaji sehingga saat terakhir sebelum peperiksaan kerana kita akan merasa tekanan dan tidak dapat menumpu perhatian kepada mana-mana mata pelajaran. Kalau kita belajar dengan tetap, kita akan sentiasa bersedia. Dan kita tidak boleh bergantung kepada maklumat di dalam buku sahaja. Jangan takut untuk membincangkan masalah anda dengan guru-guru anda.

25 Mengapakah Maria menemubual Sarah?

- A** Sarah berjaya dalam peperiksaannya dengan cemerlang.
- B** Dia pelajar sederhana.
- C** Dia suka bersukan.
- D** Sarah terlibat dalam banyak aktiviti.

26 Ibu-bapa Sarah menggalakkan Sarah untuk:

- A** jangan ambil berat tentang peperiksaan.
- B** banyak melancong.
- C** pandai mengatur jadual belajar.
- D** bekerja sepanjang masa.

[2]

27 Apakah yang Sarah buat selepas sekolah?

- A** Hantar emel kepada kawan-kawan.
- B** Dia ada kelas tambahan.
- C** Dia mengulangkaji mata pelajaran.
- D** Dia membaca majalah hiburan.

[2]

28 Apakah yang Sarah paling suka buat pada hujung minggu?

- A** Membaca mengenai masa dahulu.
- B** Membeli barang-barang antik.
- C** Bermain dengan kawan-kawannya.
- D** Bersiar-siar.

[2]

29 Apakah nasihat Sarah kepada para pelajar lain?

- A** Mintalah bantuan kalau anda perlukan bantuan.
- B** Jangan cemas.
- C** Jangan ponteng kelas.
- D** Pastikan anda cukup tidur.

[2]

[Jumlah: 10 markah]

Latihan 2 Soalan 30–37

Baca emel Danial kepada kawannya Lenny dan jawab soalan-soalan berikutnya:

Lenny,

Saya minta maaf kerana tidak menulis atau menelefon anda sejak saya pulang dari percutian bersama keluarga Lenny dua minggu lepas. Masalahnya, sebaik sahaja saya sampai di rumah, nenek saya sakit dan kami terpaksa pulang ke kampung untuk melawatnya. Nenek saya sekarang berada di hospital tetapi menurut doktor, nenek akan pulang dalam masa seminggu lagi.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Lenny dan keluarga Lenny untuk percutian saya di Singapura. Amboi, sungguh lazat masakan ibu Lenny. Saya tidak tahu ada begitu banyak tempat menarik dan bersejarah di Singapura. Saya agak tertarik dengan bangunan-bangunan moden di Singapura serta kawasan di mana rumah-rumah lama masih ada.

Saya juga ingin memberitahu Lenny bahawa saya mungkin tertinggal sebuah beg kecil berwarna hitam di dalam bilik di mana saya tidur. Di dalam beg itu ada buku catatan saya dan juga gambar ibu-bapa saya. Buku ini sangat berharga bagi saya dan saya sangat berbesar hati kalau Lenny boleh kirim melalui pos. Saya akan bayar harga pos. Saya memerlukan buku itu untuk sekolah. Maaf, kalau ini menyusahkan Lenny.

Ibu-bapa saya juga ingin menjemput Lenny ke rumah kami di Pulau Langkawi. Mereka fikir Lenny akan menikmati pulau ini. Di sini juga ada banyak tempat yang menarik dan bersejarah seperti Makam Mahsuri dan Padang Beras Terbakar. Langkawi memang banyak lagendanya. Saya harap Lenny akan memikirkan tentang jemputan kami.

Saya menunggu emel daripada Lenny.

Danial

Jawab soalan-soalan ini:

30 Mengapakah Danial tidak menghubungi Lenny sejak pulang dari Singapura?
..... [1]

31 Apakah yang Danial kata tentang layanan keluarga Lenny semasa dia di Singapura?
..... [1]

32 Apakah yang menghairankan Danial tentang Singapura?
..... [1]

33 Danial terlupa mengambil begnya dari mana?
..... [1]

34 Apakah yang ada dalam beg Danial?
..... [1]

35 Apakah Danial minta Lenny buat dan mengapa?
(i) [1]
(ii) [1]

36 Apakah rancangan ibu-bapa Danial dan mengapa?
(i) [1]
(ii) [1]

37 Mengapakah Langkawi terkenal?
..... [1]

[Jumlah: 10 markah]

